

UUM/0053/BH/06.09.2001

sayarah dan kakitangan awam. Setiap pensyarah dikehendaki membaca, memahami dan menandatangani "kontrak" yang disediakan itu.

Di peringkat antarabangsa, Dr Ahmad Fawzi akan meneruskan usaha mengembangkan sayap UUM ke beberapa negara dan bandar utama yang berhampiran di rantau Asia Tenggara.

"Sebagai contoh ketika ini kami menjalankan program peringkat sarjana dengan National Institute of Management dari Phnom Penh, Kemboja dalam program Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA)," katanya.

UUM akan memberi fokus kepada kawasan yang kurang maju seperti di Myanmar, Kemboja, Laos, Sumatera dan Vietnam sebagai membantu meningkatkan taraf pendidikan di negara berkenaan.

"Strategi yang diambil ialah dengan bekerjasama mengadakan program kembar atau menyediakan tempat di UUM terutama untuk peringkat Sarjana dan PhD.

"Kita juga berharap dapat membanyakkan lagi profesor pelawat dari universiti ternama di dunia supaya kepakaran mereka dapat dimanfaatkan oleh pensyarah dan pelajar UUM," katanya.

Kerjasama antara universiti serantau di dalam lengkaran kerjasama ekonomi Malaysia-Thailand-Indonesia juga akan ditingkatkan terutama dalam menyerlahkan UUM sebagai pemangkin kepada pencetusan idea bernas untuk dilaksanakan bagi memajukan program bersama ekonomi.

Kedudukan UUM yang terpencil dan terpisah dari kawasan pertumbuhan ekonomi dan bandar utama menyebabkan



PROF DATUK DR AHMAD FAWZI BASRI

usaha terpaksa dilakukan supaya kampus dapat menyediakan segala perkhidmatan, kemudahan dan keperluan semasa warga kampus.

Menurut Dr Ahmad Fawzi, langkah menjadikan kampus sebagai "bandar universiti" akan dipesatkan dengan menyediakan pelbagai kemudahan dan perkhidmatan yang diperlukan. Walaupun dalam tempoh tiga tahun tidak mungkin dapat diwujudkan bandar universiti seperti di Cambridge dan Oxford di England, tetapi setidaknya dapat memenuhi keperluan semasa.

Di samping itu, beliau juga akan meningkatkan kebajikan kakitangan. Kini setiap kakitangan UUM dikehendaki menjadi anggota Majlis Kebajikan, Sukan dan Kebajikan (MKSK) dengan setiap ahli yang berjumlah 1,730 orang itu menjerma RM1 sebulan.

Semua kakitangan akan men-

dapat manfaat daripada MKSK di samping universiti sendiri akan menyalurkan kemudahan berdasarkan keperluan.

"Misalnya bagi kakitangan yang bersalin mereka akan mendapat pembiayaan sebanyak RM1,500 dengan RM500 sumbangan daripada tabung kebajikan MKSK dan RM1,000 lagi disumbangkan oleh universiti dalam bentuk pinjaman yang perlu dibayar secara ansuran," katanya.

Mengakhiri temu bual beliau berkata: "Saya bangga kerana ramai graduan UUM yang sudah berjaya, antaranya dalam bidang perniagaan dan profesion berkaitan dengan pengajian mereka ikuti, semoga graduan lain juga akan mengecapi kejayaan ini.

"Saya bersikap telus dalam pentadbiran dan pengurusan. Pensyarah dan pelajar boleh menemui saya tanpa mengira masa dan tempat."